



Perang Kedah-Siam 1821-1842: Satu Tragedi Politik dan Kemanusiaan

Hasim Saari¹ & Rohani Abd Ghani²

¹IPG Kampus Darulaman, ²Universiti Utara Malaysia

Article Info

Received:
19 May 2019

Accepted:
01 September 2019

Publish
16 September 2019

E-mail address:

*corresponding Author : *
hasim@ipda.edu.my

e-ISSN 2682-759X

Abstract

This paper will focus on discussions about the Kedah and Siam warfare that took place during the period between 1821 and 1842. The tragedy had a dramatic impact on the politics and humanity of the Sultanate of Kedah and its people. The period before 1821 was also taken into account as the early seeds of conflict had arisen and subsequently until 1842 when the war had ended with the changing mood and approach of the parties involved namely Kedah and Siam. The involvement of the British throughout the conflict was discussed as some important issues were involved. The purpose of this paper is not to fully elaborate the lines of the events but only to examine issues that have a real impact on Kedah in terms of politics and humanity. This paper uses a historiographic approach. The source of reference consists of a pre-eminent source of manuscripts as well as a secondary source of writings and initial studies that touch on this topic. This paper concludes that the period between 1821 and 1842 was a complete moment of uncertainty and tragedy for the Kedah government and brought tragic implications for a sovereign government.

Keywords: The Kingdom of Kedah, Siam, British

Pengenalan

Kerajaan Kedah¹ sebagaimana catatan Roland Braddel sebagai kerajaan Melayu tertua dan paling lama² hakikatnya mempunyai sejarah yang panjang dan penuh warna-warni. Namun antara tempoh 1821

¹ Kedah juga disebut *Kataha*, *Kadaram*, *Sai*, *Kalah*, *Kalah Bar* dan *Kalagram*. Menurut catatan I-Tsing (Yijing, 635-715, sami di Dinasti Tang) dari negara China, Kedah Tua juga disebut sebagai *Cheh-Cha / Chiecha* dalam rekod Cina. Rekod British menyebut Quedah berdasarkan tulisan John Anderson, *Political and Commercial Considerations Relative to The Malayan Peninsula and the British Settlements in the Straits of Malacca*, Penang, 1824, manakala menurut Wan Shamsudin Mohd Yusof, Kedah disebut "Ceraiburi" oleh Siam, lihat Wan Shamsudin Mohd Yusof, *Warisan Warkah Melayu Silam*, dalam *Kedah Dalam Warisan Sejarah dan Budaya Nusantara*, Alor Setar: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah, 2014, hal. 70

hingga 1842 tercatat dalam lipatan sejarah suatu tragedi yang merubah banyak perkara berkaitan kerajaan dan Kesultanan Kedah. Pada 12 November 1821, kejutan besar terjadi dengan pihak Siam menyerang dan menjarah negeri Kedah secara tiba-tiba dan tanpa apa-apa amaran terlebih dahulu.³ Dengan pelbagai kemelut yang sedang dihadapi oleh pihak Kedah, serangan pihak Siam ini menyebabkan tragedi demi tragedi menimpa Kesultanan Kedah dan rakyatnya.

Hubungan Kedah-Siam pada dasarnya mempunyai sejarah yang unik dan menarik. Sejarah Kedah telah dicorak dengan beberapa era hubungan diplomatik sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dengan kuasa-kuasa pemerintahan yang bersifat serantau mahupun global. Dalam era diplomatik klasik, hubungan antara negara lebih banyak berkisar tentang perang⁴. Peperangan demi peperangan tercetus, dengan sebab paling dominan adalah untuk menjarah dan menguasai pihak yang berlawanan. Era ini adalah suatu era yang sangat sukar bagi mana-mana kerajaan kecil.

Sejarah awal negeri Kedah yang dianggap sebagai paling lama wujud mengatasi negeri-negeri lain di Tanah Melayu tercatat dalam banyak tulisan samada bersumber barat mahupun sumber tempatan. Tambahan pula dengan sifatnya sebagai kota pelabuhan pastinya sangat menarik perhatian pelbagai pihak.⁵ Kewujudan sebuah negeri Melayu mempunyai hubungkait dengan raja atau sultan. Tidak diketahui dengan tepat bilakah institusi raja wujud di Kedah kerana tidak ada sumber yang dapat mengesahkan perkara ini. Bagaimanapun tidak dapat dinafikan Kesultanan Kedah merupakan yang tertua dan paling lama hayatnya.⁶

Mengikut sumber Melayu, wilayah Kedah berada pada zaman puncaknya semasa pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa Zainul Azilin Muazzam Syah II 1710-1778/1122-1192H.⁷ Dikatakan wilayah kekuasaannya meliputi di sebelah utara dari Pulau Ujong Salang dan Mergui hingga di sebelah selatan melimpasi Lembah Kerian.⁸ Membayangkan keadaan ini sahaja menunjukkan Kesultanan Kedah begitu gagah dan terkenal. Faktor ekonomi perdagangan yang melibatkan pihak luar menjana pendapatan negeri Kedah yang dianggap strategik dan mendapat perhatian pelbagai kuasa perdagangan. Justeru antara pihak yang turut datang berdagang ke Kedah adalah pihak Inggeris. Dikatakan perhubungan perdagangan di antara Inggeris dengan Kedah telah bermula sejak abad ke-16 lagi.⁹ Walau bagaimanapun kedudukan Kedah adalah paling dekat malah bersempadan dengan Kerajaan Siam yang jauh lebih besar dan kuat. Seterusnya terdapat suatu lagi kuasa yang gagah di utara Kedah iaitu Burma yang sangat bermusuhan dengan Siam. Pertelingkahan di antara dua kuasa yang besar itu menyebabkan Kedah tersepit di tengah-tengah. Dalam keadaan yang sukar ini, Kedah terpaksa menyesuaikan diri dengan kedua-dua pihak yang bertelagah dan keadaan menjadi lebih sukar dengan munculnya kuasa ketiga dalam percaturan ini iaitu pihak British melalui Syarikat Hindia Timur Inggeris.

Latar belakang meletusnya peperangan

² "Kedah has the rightful and the unchallengeable claim to be the most ancient state in the Federation of Malaya". Lihat seterusnya dalam Roland Braddel, *Most Ancient Kedah, Malaya in History*, Vol.IV, Pt.1, Julai (1958) hal. 18

³ John Anderson, *Political and Commercial Considerations Relative to The Malayan Peninsula and the British Settlements in the Straits of Malacca*, Penang, 1824; R. Bonney, *Kedah 1771-1821: The Search For Security and Independence*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1974, hal.166; Nicholas Tarling, *British Policy in the Malay Peninsula and Archipelago 1824-1871*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1969, hal.29; Abdullah Zakaria Ghazali, *Kedah 1821-1842: Perjuangan Orang Melayu Menentang Siam dalam Alam Pensejarahan Dari Pelbagai Perspektif*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996, hal.240

⁴ Perang bermaksud perkelahian (pertempuran dll) dengan menggunakan senjata antara negeri dengan negeri dll sebagaimana menurut *Kamus Dewan*, Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010, hal. 1178

⁵ *Ibid*, hal. 19

⁶ Mohd. Isa Othman, *Pengalaman Kedah Perlis Zaman Penjajahan British*, Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2001, hal.6

⁷ Mior Ahmad Noor Mior Hamzah, *'Ke Arah Pembentukan Sempadan Bersama'*, Kertas kerja yang dibentangkan dalam Majlis Wacana Warisan : 100 Tahun Perjanjian Bangkok 1909, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 12-13 Mei (2009),hal. 20

⁸ *Ibid*, hal. 20

⁹ Ahmad Jelani Halimi, *'Surat-surat Perdagangan Kedah-Inggeris Pada Suku Akhir Abad ke-18'*, dalam Mahani Musa & Ahmad Jelani Halimi (Peny.). *Warisan Mahawangsa Kedah, Alor Setar : Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah*, 2006, hal.13

Pada umumnya serangan Siam ke atas Kedah pada hari Ahad, 12 November 1821¹⁰ adalah semasa Kesultanan Kedah di bawah kekuasaan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II¹¹. Kerajaan Siam yang bepusat di Bangkok telah mengarahkan Raja Ligor¹² menyerang Kedah atas alasan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II enggan mematuhi arahan Siam menyerang negeri-negeri Melayu yang lain¹³. Selain itu penyerahan Pulau Pinang kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris semasa pemerintahan Sultan Abdullah turut menjadi sebab awal mewajarkan serangan Siam ke atas Kedah.

Tidak sukar untuk mengatakan bahawa tragedi awal yang menimpa Kedah adalah detik bermulanya pengambilan Pulau Pinang oleh Francis Light pada 11 Ogos 1786. Dan ianya juga merupakan titik penting dalam catatan sejarah negara ini kerana pengambilan ini menandakan bermulanya kemasukan kuasa British¹⁴ ke negeri-negeri Melayu.¹⁵ Sebenarnya Pulau Pinang bukanlah nama yang penting sebelum 1786 sehinggalah Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muazam Shah II mula menawarkan kawasan di perairan Kuala Kedah hingga ke Pulau Pinang kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris pada November 1771¹⁶. Tawaran yang sangat menarik ini pastinya tidak akan dipersiapkan oleh pihak Inggeris yang amat memerlukan tapak untuk terus berkembang sebagai kuasa perdagangan yang unggul mengatasi saingan kuasa Eropah yang lain.

Penyerahan Pulau Pinang kepada British pada dasarnya bukanlah penyerahan yang tidak ada timbal-balikinya. Segalanya bermula dengan kemelut dalaman di Istana Kedah. Sultan yang memerintah pada masa itu, Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muazam Shah II telah bertambah tua, timbullah beberapa puak dalam Negeri Kedah menentang pemerintahan baginda terutama kerana baginda telah memilih dan melantik Tunku Abdullah sebagai bakal pengganti baginda menjadi Sultan Kedah.¹⁷ Penentangan yang sangat keras ini turut melibatkan pihak luar terutama orang-orang Bugis yang diminta bantuan oleh penentang-penentang Sultan. Kemuncaknya pada bulan Mac 1771, angkatan perang orang-orang Bugis telah bergabung dengan orang-orang Kedah yang memusuhi Kerajaan Kedah lalu menyerang dan menawan kota di Kuala Kedah.¹⁸ Seterusnya apabila Alor Setar jatuh ke tangan penentang, Sultan dibawa ke Kangar.

Dalam menghadapi penentangan ini, Sultan Muhammad Jiwa telah mengirim surat kepada Gabenor Jeneral Kompeni Inggeris di Madras meminta Kompeni Inggeris menolong mengembalikan baginda semula ke atas takhta Kerajaan Kedah.¹⁹ Utusan juga turut dihantar ke Aceh meminta bantuan kepada saudagar-saudagar Inggeris yang ada di Aceh. Utusan yang dihantar ke Aceh telah kembali bersama-sama dengan Kapten Francis Light²⁰

Francis Light, yang pada waktu itu seorang *country trader*, bercita-cita memenuhi impian Syarikat Hindia Timur Inggeris dan kerajaan di Britain dengan berusaha mencari pengkalan yang strategik untuk perdagangan dengan China.²¹ Kesempatan atas perundingan dengan Sultan Muhammad

¹⁰ "Pada hari Ahad, 12 November 1821, perahu pasukan tentera Siam yang berlepas dari Trang tiba di Kuala Kedah dan melancarkan serangan dan berjaya menawan Kedah. Lihat Abdullah Zakaria Ghazali, *Kedah 1821-1842: Perjuangan Orang Melayu.....*, hal.240

¹¹ Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II adalah Sultan Kedah yang ke-22

¹² J. M. Gullick, *Kedah 1821-1855: Years of Exile and Return*, JMBRAS, Jil.I.VI, Bhgn 2, 1983, hal.35

¹³ Arahan Siam supaya Sultan Ahmad Tajuddin menyerang Pattani dan Perak. Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II mengambil pendekatan tidak menuruti segera arahan yang diberikan memandangkan persaudaraan dan agama yang dianuti iaitu Islam.

¹⁴ British dalam artikel ini juga adalah merujuk kepada nama lain bagi pihak Inggeris.

¹⁵ Mahani Musa, 'Sejarah Awal: Pulau Pinang Sebelum 1786', dalam Muhammad Haji Salleh (Editor), *Sejarah Awal Pulau Pinang*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2008, hal.19

¹⁶ Ibid, hal.19

¹⁷ Buyong Adil, *Sejarah Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980, hal. 36

¹⁸ Ibid, hal. 36

¹⁹ Ibid, hal. 37

²⁰ Francis Light dilahirkan di Woodbridge, Suffolk, England. Mendapat pendidikan di Seckford's Grammar School. Memasuki angkatan laut ketika berusia 19 tahun. Tahun 1763 mula berkhidmat dengan firma Jourdain, Sullivan dan de Souza, Madras. Francis Light kemudiannya dilantik sebagai kapten yang berdagang dengan negeri-negeri Kepulauan Melayu. Untuk bacaan lihat Steuert, A.F., *The Founders of Penang and Adelaide: a Short Sketch of the Lives of Francis and William Light*, (London, 1901) Clodd, H.P., *Malaya's First British Pioneer: the Life of Francis Light*, (London, 1948).

²¹ Mahani Musa, 'Sejarah Awal: Pulau Pinang Sebelum 1786', 2008, hal.20

Jiwa ini juga pada hakikatnya adalah keghairahan Francis Light untuk kepentingan dirinya.²² Perkara ini boleh ditelaah melalui surat-surat yang dikirimkannya kepada penguasanya.²³

Jelas disini kemelut istana menjadi pendorong utama untuk permulaan pertapakan British. Tetapi bagi pihak Sultan Kedah pula berpendapat, Kedah perlu mewujudkan hubungan dengan pihak yang dilihat kuat pada waktu itu dalam usaha menjauhkan ancaman musuh tradisi yang amat digeruni, Siam dan Burma.²⁴ Pengaruh Burma atau Siam berkembang mengikut peredaran masa. Lebih-lebih lagi kedua-dua kerajaan ini saling berperang antara satu sama lain di kawasan sebelah utara yang menjadi sempadan mereka bersama. Persaingan adu-tenaga Siam-Burma telah mewujudkan suasana perlindungan-pertuanan antara kerajaan kecil dengan dua kuasa tersebut. Disinilah Kedah terpaksa tunduk kepada tuntutan tersebut mengikut kepada mengikut kepada mana kuasa yang terkuat pada masa itu.²⁵

Apabila Sultan Abdullah menaiki takhta menggantikan Sultan Muhammad Jiwa yang mangkat pada tahun 1778, Kerajaan Kedah semakin ditekan oleh pihak Siam tentang pertuanannya. Dalam masa yang sama pengaruh Burma juga masih perlu ditangani. Pada 31 Ogos 1785 Kapten Light datang ke negeri Kedah berjumpa Sultan Abdullah meminta baginda memberikan Pulau Pinang yang dalam perintah Kerajaan Kedah kepada Kompeni Inggeris.²⁶

Kelicikan Light sangat terserlah dalam hal ini kerana mengambil sikap berlengah-lengah terhadap permintaan Sultan Abdullah untuk melindungi Kedah. Manakala bagi pihak Kedah pula tekanan semakin memuncak dari pihak Burma dan Siam. Maka tanpa menghiraukan syarat-syarat²⁷ yang telah dikemukakan oleh Sultan Abdullah, Francis Light bagi pihak Syarikat Kompeni Hindia Timur Inggeris menduduki Pulau Pinang pada 11 Ogos 1786 dan bermulalah segala permasalahan kerana Pulau Pinang kini merupakan satu daripada koloni Inggeris.

Kemelut Kedah semakin memuncak apabila Siam yang telah berjaya dalam peperangannya dengan Burma mula melihat kembali daerah-daerah kekuasaannya iaitu Kedah yang sebelum ini terabai dengan tumpuan yang lebih kepada peperangan dengan Burma. Dalam hal ini status ketuanan Siam ke atas Kedah sebenarnya telah menjadi perdebatan dikalangan sejarawan. Seorang sarjana sejarah tempatan Kobkua Suwannathat-Pian yang turut menulis berkaitan Kedah dan Siam pada abad ke-17 sehingga awal abad ke-20 dalam disertasi beliau yang bertajuk *A Study of Traditional Intra-Regional Relations From The 17th to the Early 20th Century*²⁸ meninjau tentang hubungan orang-orang Melayu dengan Siam. Beliau berpendapat *sistem tributari* yang mendasari hubungan Kedah (termasuk Setul dan Perlis)/Kelantan dengan Siam telah berjaya. Ini terutamanya selepas Siam membuktikan kekuatannya dalam pertengahan pertama abad ke-19. Asas kepada pendapat yang diutarakan oleh beliau adalah merujuk kepada *sistem tributari* itu sendiri adalah melambangkan kedudukan hubungan tinggi-rendah. Namun menurut John Bastin²⁹ yang menulis berkenaan pandangan Francis Light menyatakan bahawa tidak ada sebarang bukti, sama ada dari segi tulisan atau tradisi yang Kedah ditadbirkan oleh undang-

²² "There is remarkable resemblance between Francis Light and his greater successor, Sir Stamford Raffles. They were alike in their devotion to British interests, in their hatred of the Dutch, and in the liberal yet wise and firm manner in which they conducted their administration. Both had also a wide knowledge of Malayan languages and customs, and very great influence over the natives, the result of the respect and affection inspired by their firm but just and sympathetic attitude towards them. Light's reputation has been much over-shadowed by the more brilliant attainments and greater service of the founder of Singapore..." lihat seterusnya dalam L.A. Mills, *British Malaya 1824-67*, MBRAS, Vol.33, 1960, hal. 36-37

²³ Surat-surat yang bertarikh 18 Ogos 1771 dan 25 November 1771 yang dikirimkan oleh Light kepada firmannya di Madras. Lihat dalam Richard Winstedt, *Notes on the History of Kedah*, MBRAS, Vol. 14, Part. 3, 1986, hal. 179

²⁴ Mahani Musa, 'Sejarah Awal: Pulau Pinang Sebelum 1786', hal. 20

²⁵ Mior Ahmad Noor Mior Hamzah, 'Ke Arah Pembentukan Sempadan Bersama', , Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 12-13 Mei (2009),hal. 20

²⁶ Buyong Adil, *Sejarah Kedah*, 1980, hal. 40

²⁷ Syarat-syarat Sultan Abdullah kepada Francis Light :

- i. Kompeni Inggeris akan menjaga pantai laut Kedah. Sebarang musuh yang menyerang Sultan Kedah ialah musuh kepada Kompeni Inggeris dan perbelanjaan melawan musuh itu tertanggung kepada Kompeni Inggeris. Syarat seterusnya lihat Buyong Adil, *Sejarah Kedah*, 2008, hal. 40-41. Ibrahim Ismail, *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*, Jitra: Universiti Utara Malaysia, 1987, hal. 59-60

²⁸ Kobkua Suwannathat-Pian, *A Study of Traditional Intra-Regional Relations From The 17th to the Early 20th Century*, Disertasi, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 1986.

²⁹ John Bastin, *Francis Light and the Malay Princess*, Malaysia in History, Vol.8, No.2, April 1964, hal.3-8

undang atau adat Siam. Penghantaran bunga mas dan perak adalah sebagai tanda penghormatan untuk mengekalkan hubungan baik³⁰.

Selanjutnya semasa pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II. Baginda benar-benar teruji dengan permasalahan luaran dan dalaman. Raja Siam mengarahkan baginda menyerang Perak. Namun baginda mencuba sedaya upaya untuk mengelakkannya. Tujuan baginda berbuat demikian adalah untuk mengelakkan angkatan Siam melalui Kedah untuk menyerang Perak. Namun sehingga ke saat akhir Sultan Abdul Malik Mansur Shah, Raja Perak enggan menerima cadangan Kedah mengakui pertuanan Siam dan menghantar bunga mas dan perak ke Bangkok. Keadaan ini menyebabkan Kedah melancarkan serangan ke atas Perak³¹ dan berjaya menewaskannya.

Kejayaan ini dan pertolongan baginda membantu Chao Phraya Ligor (Nakorn Si Tamarat) menentang Burma di Talang (Phuket) mendapat penghargaan dari Bangkok di mana Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II telah dianugerahkan pangkat Chao Phraya Zaiburi.³²

Jika diimbau sepiantas lalu rentetan daripada penyerahan Seberang Perai kepada pihak British, ianya sangat mencemaskan suatu pihak yang sangat berkepentingan ke atas takhta Kesultanan Kedah. Tunku Ahmad Tajuddin (Tunku Pangeran) melihat bapa saudaranya Sultan Dhiauddin semakin cuba mengukuh kedudukannya pada takhta diraja Kedah. Baginda lalu berangkat ke Siam untuk mendapatkan bantuan. Baginda pun pergi berjumpa dengan Gabenor Singgora di antara tahun 1801-1802. Tindakan ini ialah sebagai saluran untuk menarik perhatian Kerajaan Bangkok.³³ Rentetan daripada peristiwa ini akhirnya Tunku Ahmad Tajuddin (Tunku Pangeran) ditabalkan menjadi Sultan Kedah yang kedua puluh dua, bergelar Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II (1803-1845).³⁴ Setelah Sultan Ahmad Tajuddin ditabalkan menjadi Sultan Kedah dan askar-askar Siam yang ramai datang ke Kedah itu pun bertolak balik meninggalkan negeri Kedah.³⁵ Kemelut lama istana Kedah kembali berulang. Saudara-saudara Sultan Ahmad Tajuddin bangkit bertelingkah sesama sendiri.

Di Pulau Pinang pula berlaku tukar ganti Leftenan Gabenor. Manakala di sebelah pihak Siam, meskipun mereka yang mengangkat Sultan Ahmad Tajuddin menjadi pemerintah, namun rasa curiga Siam dan cemburu Raja Ligor terhadap Sultan tidak pernah padam.³⁶

Tekanan demi tekanan yang diterima oleh Sultan Ahmad Tajuddin memaksa beliau mempelbagaikan strategi dengan dasar yang bercampur-baur. Hubungan dengan Burma dijalinan tetapi pada masa yang sama memperakui pertuanan Siam. Bantuan British tetap ditagih demi memastikan kelangsungan pemerintahan baginda. Namun rasa curiga pihak Siam semakin memuncak dengan terus memberi tekanan yang tidak mampu ditanggung oleh Sultan Kedah.

Namun kedudukan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II ini tidak kekal lama dengan permasalahan dalaman takhta kerajaan Kedah yang semakin memuncak. Perebutan untuk menduduki takhta pemerintahan bermula dari Raja Muda iaitu Tunku Yaakub, yang berhubungan dengan Gabenor Nakorn Si Tamarat berpakat untuk menggulingkan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II dengan tuduhan baginda gagal menyatukan rakyat, mengabaikan pemerintahan Kedah dengan berpindah ke Sungai Merbok, mengingkari perjumpaan dengan Nakorn Si Tamarat dan tuduhan yang lebih berat,

³⁰ "It does not appear, either by writing or tradition, that Quedah [Kedah] was ever governed by Siamese Laws or Customs...The King [of Kedah] sent every third year a Gold and Silver Tree, as atoken of homage to Ligure [Ligor]. This was done to preserve a good correspondence....(John Anderson, *Political and Commercial Considerations*....,hal.45)

³¹ R. Bonney, *Kedah 1771-1821: The Search for Security and Independence*....hal.128-155

³² Kobkua Suwannathat-Pian, *A Brief Moment in Time: Kedah –Siam Relations Revisited*, JMBRAS, Vol.LXXII, Part 2, 1999, hal.67

³³ Tunku Pangeran sungguh bernasib baik. Raja Rama I yang bernama Phra Putta Yot Fa Chulalok (Jeneral Chakkri 1782-1809), pengasas dinasti yang menubuhkan ibu negara di Bangkok, memang berhasrat untuk meluaskan pengaruhnya ke Kedah. Lebih-lebih lagi ia sendiri tidak berpuas hati di atas tindakan Tunku Dziauddin menyerahkan Seberang Perai kepada Inggeris. Lihat Ibrahim Ismail, *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*, Jitra: Universiti Utara Malaysia, 1987, hal. 65

³⁴ Merujuk kepada kenaikan Sultan Ahmad Tajuddin ke atas takhta: Pada bulan September tahun 1803, Raja Siam telah menghantar satu angkatan tentera Siam seramai 5,000 orang menghantar Tunku Ahmad Tajuddin balik ke negeri Kedah serta membawa surat perintah dari Raja Siam menyuruh Orang-orang Besar Kedah menabalkan Tunku Ahmad Tajuddin (Tunku Pangeran) menjadi Sultan Kedah, dan sepucuk surat lagi dari King Rama I memerintah Tunku Dhiauddin turun dari takhta kerajaan Kedah. Lihat dalam Buyong Adil, *Sejarah Kedah*, 1980, hal. 53

³⁵ Ibid, hal. 53

³⁶ Mior Ahmad Noor Mior Hamzah, 'Ke Arah Pembentukan Sempadan Bersama', 12-13 Mei (2009),hal. 24

Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II berpakat dengan Burma menentang kerajaan Siam.³⁷ Permasalahan semakin rumit dengan tindakan Raja Muda seterusnya iaitu Tunku Embun yang juga mengadap Gabenor Nakorn Si Tamarat pada tahun 1820 memohon untuk menghadap Rama II di Bangkok bagi memaklumkan tindakan Sultan Ahmad Tajuddin memindahkan pusat pemerintahan ke Pulau Tiga sebagai tindakan mengingkari perintah kerajaan Siam.

Gabenor Nakorn Si Tamarat mengambil kesempatan yang ditunggu-tunggu ini untuk menghadap Rama II di Bangkok untuk memaklum berkenaan maklumat dari Tunku Embun dan tindakan-tindakan seterusnya yang memberi faedah kepada Siam maka hujahan dan cadangan Gabenor Nakorn Si Tamarat mendapat perkenan Rama II. Apa yang pasti Gabenor Nakorn Si Tamarat mempunyai dendam dan iri hati terhadap Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II yang turut dianugerahkan gelaran Chao Phraya . Maka persediaan untuk menyerang Kedah mula diatur dengan persediaan yang rapi.³⁸

Peperangan Kedah-Siam 1821-1842

Tragedi politik sebenar ke atas Kedah bermula apabila angkatan Siam seramai 7,000 orang tentera di bawah arahan Raja Ligor berlepas menuju ke Trang seterusnya ke Sungai Kedah dengan alasan untuk mendapatkan bekalan makanan bagi melancarkan serangan terhadap Burma.³⁹ Setibanya angkatan tersebut di Kota Kuala Kedah pada 12 November 1821, serangan secara tiba-tiba dilancarkan menyebabkan pertahanan Kedah yang tidak bersedia dengan mudah dikalahkan. Dato' Bendahara dan Dato' Laksamana yang cuba untuk mengatur langkah melawan tetap gagal. Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II yang berada di Kuala Muda dapat mengundurkan diri apabila menerima perkhabaran serangan Siam ke Seberang Perai, di kediaman saudaranya Tunku Sulaiman dan seterusnya mendapatkan suaka politik di Pulau Pinang.⁴⁰ Dato' Syahbandar, Dato' Temenggung dan Dato' Laksamana terkorban dalam peperangan itu. Dato' Bendahara, Tunku Yaakob dan Tunku Jam Jam berjaya ditawan oleh Siam. Dato' Bendahara dipercayai diracun ketika dalam perjalanan ke Senggora.⁴¹ Atas kesempatan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II yang berjaya melarikan diri ke Pulau Pinang di bawah British telah menggagalkan tujuan utama Siam untuk menawan baginda.⁴² Kekalahan Kedah menyebabkan tentera Siam membunuh ramai orang lelaki; menangkap wanita dan kanak-kanak sebagai tawanan.⁴³

Buat pertama kalinya dalam sejarah Kedah, sultannya terpaksa tinggal di luar negeri selama hampir 18 tahun.⁴⁴ Dalam konteks politiknya Sultan Ahmad Tajuddin, Sultan Kedah terpaksa berkelana dan mengemis di bumi sendiri. J. M. Gullick turut mengulas tentang hal ini dan menyatakan tentang Ingeris dan Siam seolah-olah bekerjasama menutup ruang-ruang bagi pemulihan kuasa Sultan.⁴⁵ Seorang Sultan yang terpaksa hidup dalam pembuangan sedangkan takhta sendiri telah dirampas. Bukan sahaja takhta , malah sebahagian negeri menjadi hak milik orang lain. Seterusnya dalam satu titahnya, "*Akan Pulau Pinang ini pun tanah ayah beta, Paduka Marhum beri sewa akan kompeni Ingeris sebab inilah maka beta mau datang singgah di Pulau Pinang. Di dalam pada itu pun jika beta tiada boleh*

³⁷ Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria, *Kedah, Perak, Selangor dan Siam: Menjejaki Peristiwa Utama Ke Arah Termeterai Perjanjian 1826*, hal.158

³⁸ "Pada Februari 1821, Gabenor Pulau Pinang telah memberi amaran kepada Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II, kira-kira 6,000 tentera Siam bersiap sedia bergerak dari Bangkok ke Kedah melalui Senggora kerana kegagalan Kedah menghantar bunga emas dan perak ke Bangkok." Boleh rujuk, R. Bonney, *Kedah 1771-1821: The Search for Security and Independence....*hal.162-166

³⁹ John Anderson, *Political and Commercial Considerations....*,hal. 2; T.J. Newbold, *British Settlements in the Straits of Malacca*,Jilid 11, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971, hal.7-8

⁴⁰ P.J. Begbie, *The Malayan Peninsula*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967, hal.108-110; R.O. Winstedt, *Notes on History of Kedah*, JMBRAS, Vol.14, Pt.3, 1936, hal.181

⁴¹ Haji Buyong Adil, *Sejarah Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980, hal.62-63

⁴² SSR. H.6:PLOLS, William Armstrong Clubley, Setiausaha kepada kerajaan kepada R. Caunter , Pesuruhjaya Polis, Pinang, 21 November 1821.

⁴³T.J. Newbold, *British Settlements in the Straits of Malacca....*, hal.4

⁴⁴ Shamsuddin Mohd Yusof, *Kebangkitan rakyat Kedah di awal kurun ke-19 Tentang Penjajah*, Berita Minggu, Kuala Lumpur: Berita Publishing & Distributor, 29 Jun (1986)

⁴⁵ "There were doubts, as already stated, on whether it would be legal to remove the Sultan by force from one British settlement (Penang) to another (Malacca). It was known that he might move to Sumatra or some other non-British territory in order to launch an attack on Kedah from there. This would embarrass British relations with Siam." Lihat dalam J.M. Gullick, "*Kedah 1821-1855-Years of Exile and Return*", JMBRAS, Vol. 56, pt. 2, 1983, hal. 41

naik ke Pulau Pinang daripada dibawa beta pergi ke Melaka atawa Singapura seperti orang banduan, terlebih baiklah beta digantung atawa di aras dengan meriam pada keci beta ini."⁴⁶

Namun terdapat sedikit usaha dari pihak Syarikat Hindia Timur Inggeris untuk membantu sultan mengembalikan takhtanya.⁴⁷ Utusan British yang diketuai John Crawford telah dihantar ke Bangkok. Walaupun usaha Crawford gagal meyakinkan pihak Siam, tetapi sesuatu yang sangat bermakna bagi pihak British adalah bersama utusan ini juga berhasil mengintip kekuatan yang dimiliki oleh pihak Siam. Crawford melaporkan tentang kelebihan yang sebenarnya dimiliki oleh pihak British berbanding Siam yang bukanlah suatu kuasa yang kuat sehingga boleh menggugat British. Pada Ogos 1824, Robert Fullerton dilantik sebagai Gabenor dan dikatakan terkenal dengan sifat anti-Siam. Rancangan Ligor untuk menyerang Perak dan Selangor telah diketahuinya menyebabkan amaran diberikan kepada pihak Siam bahawa serangan yang dilancarkan juga membawa makna serangan ke atas British. Ini menyebabkan Siam menarik balik tenteranya.

Tetapi tragedi yang lebih buruk menanti Kedah adalah dengan termeterainya Perjanjian Burney pada tahun 1826.⁴⁸ Kapten Henry Burney telah diutuskan ke Bangkok pada tahun 1825 menyambung usaha British mengembalikan kuasa Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II di atas takhta kerajaan Kedah.⁴⁹ Kedah menjadi mangsa dalam kedudukannya yang sangat lemah berhadapan dua kuasa yang memiliki kelebihan. Tidak ada seorang pun yang mewakili Kerajaan Kedah, sebaliknya perjanjian ini hanya melibatkan Henry Burney mewakili Syarikat Hindia Timur Inggeris dan pihak Siam. Walaupun pada peringkat awalnya terdapat halangan atas misi ini tetapi Henry Burney berjaya menandatangani perjanjian dengan Kerajaan Siam pada 20 Jun 1826 untuk membolehkan pihak Inggeris mengekalkan persahabatan dan perdagangan dengan Siam termasuk bekalan makanan yang diperolehi dari Kedah sebelum 1821. Bagi pihak Siam yang pada ketika ini di bawah pemerintahan Rama III juga sangat mengambil kira manfaat yang akan diperolehi oleh pihak Siam dari perjanjian ini.⁵⁰

Salah satu syarat yang ditandatangani terutamanya yang terkandung dalam Artikel 13 yang berbunyi :

"The Siamese engage to the English, that the Siamese shall remain in Quedah, and take proper care of that country and of its people; the inhabitants of Prince of Wales Island and of Quedah shall have trade and intercourse as heretofore; the Siamese shall levy no duty upon stock and provisions, such as cattle, buffaloes, poultry, fish, paddy, and rice, which the inhabitants of Prince of Wales Island, or ships, there, may have occasion to purchase in Quedah, and the Siamese shall not farm the mouths of rives, or any streams in Quedah, but shall levy fair and proper import and export duties, The Siamese further engage, that when Chow Phya, of Ligor, returns from Bangkok, he shall release the slaves, personal servants, family and kindred, belonging to the former Governor of Quedah, and permit them to go and live wherever they please. The English engage to the Siamese that the English do not desire to take possession of Quedah, that they will not attack, or-disturb it, nor permit the former Governor of Quedah, or

⁴⁶ Warkah bertarikh 26 Muharram 1252 Hijrah bersamaan 3 Mei 1837 (Selasa) adalah salah sepucuk warkah Diraja Kedah Darul Aman yang ditulis di atas keci (kapal kecil) di Pelabuhan Pulau Pinang. Penulisnya Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II (1804-1845) ditujukan kepada rakan karibnya Thomas Beighton (Paderi Pulau Pinang). Keadaan ini terjadi disebabkan Sultan Ahmad Tajuddin II telah dihukum untuk dihantar ke Melaka bersebabkan tewasnya baginda dalam Perang Kedah-Siam pertama.

⁴⁷ Syarikat Hindia Timur Inggeris bertindak menghantar misinya untuk mengadakan rundingan dengan pihak berkuasa Siam di Bangkok diketuai John Crawford (1822) diikuti oleh Henry Burney (1825). Kedua-duanya gagal untuk mendapatkan persetujuan Siam bagi membenarkan Sultan Ahmad Tajuddin dikembalikan ke takhta semula." Lihat Wan Shamsudin Mohd. Yusof, *Perjanjian Burney 1826*, dalam *Warta Darul Aman*, Siri Bulan Ini Dalam Sejarah, Jun (2001)

⁴⁸ Tentang perjanjian ini boleh dirujuk kepada W. G. Maxwell & W.S. Gibson (ed.), *Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo*, Sulffolk Lane: Jas. Truscott & Son Ltd., 1924, hal. 77-82

⁴⁹ C.O.273/1, Leftenan Henry Burney kepada James C. Melvill, Julai 1846

⁵⁰ "Persetujuan Rama III membuka Siam bagi kegiatan perniagaan negeri-negeri Barat secara meluas pada tahun 1826 ini berdasarkan pada keselamatan Siam dan kedudukannya yang kuat ke atas negeri-negeri naungan Siam di utara Tanah Melayu. Kemungkinan Inggeris boleh menjadi musuh Siam yang berkuasa di sebelah barat Tahi setelah kemenangan British ke atas Myanmar pada tahun 1824 juga diambil kira oleh Rama III, terutamanya Bangkok tiada berupaya menentang tentera British. Faktor yang lebih penting ialah bagi Rama III menganggap Britain lebih berguna sebagai sahabat daripada sebagai musuh Siam. Selain itu, permintaan British yang dikemukakan oleh Burney juga tidak keterlaluan dan tidak memalukan kedudukan serta kemuliaan Siam sebagai negeri yang berkuasa di rantau ini. Oleh yang demikian, Rama III sanggup berunding dengan pihak British, dan akhirnya, menerima syarat-syarat Perjanjian Burney. Perjanjian Burney juga merupakan perjanjian timbal-balik antara dua pihak yang setaraf." Lihat Kobkua Suwannathat-Pian, *Sejarah Thai Zaman Bangkok*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hal.67

any of his followers to attack, disturb, or injure in any manner, the territory of Quedah, or any other territory subject to Siam. The English engage that they will make arrangements for the former Governor of Quedah, to go and live in some other country, and not Prince of Wales, England, or Prue, or in Perak, Selangore or any Burmese country. If the English do not let the former Governor of Quedah go and live in some other country as here engaged, the Siamese may continue to levy and export duty upon paddy and rice in Quedah. The English will not prevent any Siamese, Chinese, or other Asiatics at Prince of Wales Island, from going to reside in Quedah if they desire it"⁵¹

Sangat jelas di sini syarat di atas sangat merugi dan mengecewakan Kedah. Intipati dari Artikel 13 ini menyebabkan Sultan Kedah, Sultan Ahmad Tajuddin terpaksa menjadi pelarian dengan pengkhianatan British ini.

Namun semangat juang Kedah tidak pernah luntur. Sultan Ahmad Tajuddin meskipun berada di dalam pembuangan tetapi kesatuan daripada kerabat menyebabkan pihak Siam tidak berada dalam keadaan selesa.⁵² Penentangan demi penentangan dilakukan bermula sebaik tewasnya Kedah pada November 1821 kepada Siam. Pada tahun 1823 dengan ketiadaan Wizurai Siam di Kota Kuala Kedah, Tunku Abdullah (anakanda Sultan) dan Tunku Kudin (adik Sultan) bersama 3000 orang berjaya merampas Kota Kuala Kedah. Namun hanya dapat bertahan selama tiga bulan. Seterusnya pada tahun 1825, sekali lagi Tunku Kudin bersama Muhammad Jaafar (anak saudara Sultan) berpakat dengan pihak orang asing yang berada di Pulau Pinang untuk menyerang Siam tetapi sekali lagi gagal kerana pihak British telah memintas dengan menangkapnya ketua pemberontak. Pihak British dan Siam sepakat mengisytiharkan orang-orang Melayu ini sebagai perompak, lanun dan penganas.⁵³

Kemuncak penentangan Kedah terhadap Siam tercetus pada 1838. Dengan diketuai oleh Tunku Mohammad Saad seorang kerabat Sultan yang berkekuatan 10 000 orang askar dan 50 perahu perang berjaya menghalau Siam hingga ke Alur Ganu. Kejayaan yang gemilang ini dibantu oleh pembesar-pembesar dan ulama yang hebat. Menghadapi detik ini pihak Siam telah mengumpul semula kekuatan. Bantuan dari Bangkok dan kekutan yang lebih kembali menggempur pihak Kedah. Bagi pihak Tunku Mohammad Saad kekuatan semakin menurun dan bantuan yang tidak kesampaian. Siam menggunakan segala kekuatan untuk menyerang di arah daratan. Pada ketika ini British menunjukkan lagi dasar yang menghimpit Kedah. Dengan kekuatan yang pada British melalui angkatan lautnya telah memberi pukulan yang hebat kepada Kedah yang tersepit. Dengan perjanjian yang ditandatangani pada 1826 (Perjanjian Burney), pihak British menghantar *HMS Hyacinth* dibantu kapal-kapal perang yang lebih kecil seperti *HMS Emerald*, *HMS Pearl* dan *HMS Diamond* untuk bertindak dari arah laut dengan membuat kepungan terhadap pihak Kedah. Akhirnya pihak Kedah tewas sepenuhnya dan Siam kembali berkuasa.

Menyedari bahawa pemberontakan yang berlaku sebenarnya merugikan banyak pihak, perubahan pendekatan terjadi. Pihak British melalui Gabenor Bonham memberikan sokongan kepada Sultan Ahmad Tajuddin untuk kembali bertakhta melalui surat sokongan yang diberikan kepada Tunku Daei yang diarahkan ke Bangkok sebagai utusan damai dari pihak Kedah. Dengan ketegasan British yang tidak akan lagi membantu Siam jika berlaku lagi pemberontakan, maka pihak Siam memperkenankan Sultan Ahmad Tajuddin untuk menduduki kembali takhtanya.

Kesan Peperangan Kedah-Siam Yang Menjadi Tragedi Politik dan Kemanusiaan

Tragedi politik paling ketara kesan dari perang Kedah-Siam 1821 hingga 1842 adalah takhta Kesultanan Kedah seolah-olah terhenti. Raja yang memerintah, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II terpaksa melarikan diri ke Pulau Pinang dan paling memilukan dibuang daerah ke Melaka.

“Sudah-lah gerangan nasib kekanda Menanggung mashrol berganda-ganda	Janji suratan demikian ada Bagai kan bekah di-dalam dada
Ya’ Allah tolonglah hamba Bermimpi bulan jatuh ka-riba	Sa-orang mahlok sangat haloba Bernang di-laut hendak di-chuba
Ya’ Rasulallah lihat-lah umat mu	Beri sufaat kurnia-kan ilmu

⁵¹ T. J. Newbold, *British Settlements in the Straits of Malacca, Kuala Lumpur*: Oxford University Press, 1971, hal.467-468

⁵² Penentangan rakyat Kedah secara perang gerila.

⁵³ C.O.273/1, Straits Settlements, 1838-1858

Pohon-kan penunjuk jalan bertemu Jangan kira-nya terkena semu
Berkat junjongan cherpu duli Sekira apa-lah lepas kembali
Berkaul kapada nabi dan wali Utama jiwa ku pohon sekali”⁵⁴

(Syair Duka Nestapa – Sultan Ahmad Tajuddin)

Demikianlah rintihan sengsara Sultan Ahmad Tajuddin⁵⁵, seorang Sultan yang terpaksa hidup dalam pembuangan sedangkan takhta sendiri telah dirampas. Bukan sahaja takhta, malah sebahagian negeri menjadi hak milik orang lain. Seterusnya dalam satu titahnya, “Akan Pulau Pinang ini pun tanah ayah beta, Paduka Marhum beri sewa akan kompeni Inggeris sebab inilah maka beta mau datang singgah di Pulau Pinang. Di dalam pada itu pun jika beta tiada boleh naik ke Pulau Pinang daripada dibawa beta pergi ke Melaka atawa Singapura seperti orang banduan, terlebih baiklah beta digantung atawa di aras dengan meriam pada kesi beta ini.”⁵⁶

Sewajarnya diakui setiap peperangan yang berlaku menyebabkan tragedi kepada pihak yang tewas. Dalam hal ini keadaan politik Kedah menjadi mangsa kepada kedudukannya yang tewas dalam setiap peperangan.⁵⁷ Terutama dengan tewas buat kali ketiga pada perang yang berlangsung pada tahun 1838-1839, kedudukan negeri Kedah menjadi terpisah dan dibahagikan mengikut kehendak Siam yang berkuasa. Kedah dibahagikan kepada empat: Kedah, Kubang Pasu, Perlis dan Setul-Lingu.

Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II berkuasa di Kedah; Tunku Anum Paduka Raja Jambangan diserahkan Kubang Pasu; Syed Hussain Jamalullail, Perlis dan Tunku Bisnu di Setul-Lingu. Pihak Siam menetapkan Setul-Lingu dibawah tanggungjawab Raja Senggora manakala Kedah, Kubang Pasu dan Perlis diletakkan di bawah Raja Nakhorn Sri Thamamarat.⁵⁸ Pemisahan daerah-daerah pemerintahan ini menjadikan sejarah Kedah yang pernah gemilang dengan kekuasaan dari Trang hingga ke sempadan Perak menjadi catatan sejarah. Namun pada tahun 1864, Kubang Pasu kembali bercantum dengan Kedah apabila diserahkan oleh Raja Kubang Pasu, Tunku Ishak, cucunda Tunku Anum Paduka Raja Jambangan. Bagi wilayah Setul pula apabila pemerintahan telah berpindah kepada Ku Din bin Ku Meh yang lebih cenderung dan memberi perhatian kepada Bangkok, kedaulatan Kedah berakhir apabila pengganti Ku Din bin Ku Meh adalah keturunan Siam menyandang jawatan Gabenor Setul (kini dikenali sebagai Satun).⁵⁹ Pertuanan Siam ke atas Kedah berterusan sehinggalah Perjanjian Bangkok 1909 yang kemudiannya British pula mengambil alih kuasa pentadbiran walaupun takhta Kesultanan Kedah kekal bersambungan sehingga kini.

Tragedi Pengkhianatan British Terhadap Kedah

Pada dasarnya hubungan yang terjalin pada peringkat awal di antara pihak Inggeris dengan Kedah adalah semata-mata melibatkan perdagangan. Walaupun pihak Kedah memperakui pertuanan Siam tetapi persepsi tentang status hubungan jelas kabur. Kesultanan Kedah tetap dapat meneruskan pemerintahan dan berhubungan dengan pihak lain tanpa perlu merujuk terlebih kepada pihak Siam.⁶⁰

⁵⁴ Syair Duka Nestapa, hasil karangan Sultan Ahmad Tajuddin yang disalin semula dari manuskrip asal oleh Wan Ibrahim Wan Yahaya

⁵⁵ Sultan Ahmad Tajuddin adalah Sultan Kedah yang ke-23.

⁵⁶ Warkah bertarikh 26 Muharram 1252 Hijrah bersamaan 3 Mei 1837 (Selasa) adalah salah sepucuk warkah Diraja Kedah Darul Aman yang ditulis di atas keci (kapal kecil) di Pelabuhan Pulau Pinang. Penulisnya Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II (1804-1845) ditujukan kepada rakan karibnya Thomas Beighton (Paderi Pulau Pinang).

⁵⁷ Perang Kedah-Siam 1, 1821

Perang Kedah-Siam 2, 1830

Perang Kedah-Siam 3, 1838-1839

⁵⁸ Kobkua Suwannathat-Pian, *Sejarah Thai Zaman Bangkok*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hal.87

⁵⁹ Wan Shamsuddin bin Wan Yusof, *Kedah Dalam Warisan Sejarah dan Budaya Nusantara*, Alor Setar: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah, 2014, hal.201

⁶⁰ Walaupun negeri-negeri tersebut menjalinkan hubungan dengan Siam tetapi tidak terdapat pembahagian kuasa politik yang jelas antara negeri-negeri Melayu yang di bawah pertuanan Siam itu secara langsung atau tidak langsung dengan negeri-negeri Melayu yang lain. Bagi negeri-negeri Melayu Utara dan sultan mereka, penghantaran bunga mas dan perak ke Siam adalah untuk tujuan persahabatan dan diplomatik. Oleh itu, British menganggap negeri-negeri Melayu tersebut adalah negeri yang bebas dan merdeka daripada mana-mana kuasa asing. Dengan itu, pihak British berhasrat untuk menguasainya. Lihat Ho Hui Ling, ‘Ke

Berhubung dengan pengkhianatan demi pengkhianatan yang dilakukan oleh pihak Inggeris, bukanlah sebenar-benarnya bermula tepat pada 1786 setelah penyerahan Pulau Pinang. Justeru, adalah wajar untuk diperjelaskan siri pengkhianatan ini telah bermula sebaik sahaja terjalin perhubungan di antara pihak Inggeris dan pihak Kedah semasa pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa.

Pengharapan untuk melepaskan belenggu cengkaman Siam dan Burma dengan meminta pertolongan pihak yang dilihat lebih kuat ternyata memakan diri dan memberi kesan yang sangat tragis bagi negeri Kedah dan kesultannya. Pengkhianatan Inggeris jika boleh diterjemahkan sebegitu mula menunjukkan riaknya daripada peristiwa yang melibatkan Sultan Muhammad Jiwa yang sedang menghadapi kemelut perang saudara yang turut melibatkan orang-orang Bugis. Persubahatan⁶¹ waris-waris dengan orang-orang Bugis begitu mengancam kedudukan sultan di atas takhta. Menghadapi keadaan ini Sultan Muhammad Jiwa telah menghantar utusan baginda yang diketuai oleh seorang wanita ke Aceh untuk menemui Kapten Francis Light yang membuka firma perdagangan di sana. Tujuannya untuk mendapatkan bantuan Inggeris bagi menamatkan pengaruh Bugis di Kedah dan mendapatkan kembali meriam dan lain-lain harta yang dirampas oleh Bugis dari Selangor.⁶²

Pertapakan Inggeris bermula dengan perjanjian yang diperbuat di antara Sultan Muhammad Jiwa dengan Kapten Francis Light yang datang untuk membantu tetapi pada masa yang sama berharap mendapat kebenaran mendirikan loji perniagaannya di Kuala Kedah. Kapten Francis Light hakikatnya telah menghidu peluang yang ditawarkan oleh Sultan Muhammad Jiwa. Permintaan Sultan Muhammad Jiwa kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris tidak mendapat jawapan yang pasti atas sebab-sebab yang hanya diketahui oleh mereka. Tetapi bagi Francis Light ini adalah tawaran yang sangat hebat dan tidak perlu dilepaskan. Keghairahan Francis Light dalam hal ini terserlah apabila terus memberikan sokongan kuat kepada surat peringatan kedua yang dihantar oleh pihak Sultan Muhammad Jiwa kepada Kompeni Inggeris untuk bertanyakan tentang status permintaan yang diutarakan terdahulu dengan memberikan gambaran yang tidak selari dengan apa yang sebenarnya berlaku di Kedah pada masa itu.⁶³

Dalam perkembangan yang berkaitan, pihak berkuasa Madras melantik Edward Monckton untuk dihantar ke Kedah untuk berunding dengan Sultan. Namun dikatakan misi Monckton ditakdirkan gagal dari awal-awal lagi. Dia masih muda dan gagap serta pada mula-mula lagi dia memberikan tanggapan yang tidak baik kepada Sultan.⁶⁴ Keterangan tentang misinya jelas agak keterlaluan, namun kedudukan Sultan yang tidak stabil dan pengaruh Francis Light menyebabkan Sultan bersetuju untuk menandatangani satu perjanjian dengan Monckton sebagai wakil Kompeni Inggeris.⁶⁵

Dengan bantuan Light juga, Monckton memperolehi deraf perjanjian yang mengulangi permintaan Sultan untuk perikatan yang bersikap menentang.⁶⁶ Namun pendirian pihak berkuasa di Madras tidak berubah iaitu kekal hanya untuk bertahan. Apa yang tidak diketahui Sultan, Kompeni Inggeris tidak mahu memberi sebarang pertolongan kepada Sultan.⁶⁷ Sangat jelas di sini ketidakjujuran pihak Inggeris dalam berurusan dengan pihak yang menganggap mereka sebagai sahabat. Sultan Muhammad Jiwa yang sebelum itu sempat pula menawarkan kawasan di sepanjang perairan Kuala Kedah hingga ke Pulau Pinang akhirnya menyedari Syarikat Hindia Timur Inggeris tidak pernah berhasrat untuk memberikan bantuan.⁶⁸ Ini terutamanya apabila pada penghujung bulan Julai tahun 1772, Edward Monckton telah menerima surat perintah dari ketuanya di Madras. Kegagalan misi Edward

Arah Perjanjian 10 Mac 1909, Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Majlis Wacana Warisan: 100 Tahun Perjanjian Bangkok 1909, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 12-13 Mei (2009), hal. 5

⁶¹ Persubahatan dirujuk kepada mekanisme kerjasama pensubahat-pensubahat tempatan dengan penjajah

⁶² Wan Shamsudin Mohd. Yusof, *Sejarah dan Perkembangan Kota Kuala Kedah: Menurut Kronologi Zaman Pemerintahan Sultan-sultan Kedah Darul Aman*. Kertas Kerja tidak diterbitkan.

⁶³ James F. Augustine, *Kedah Zaman Silam*, Alor Setar: Muzium Negeri Kedah Darul Aman, 1996, hal. 38

⁶⁴ Ibid, hal. 39-40

⁶⁵ Perjanjian Awal Kedah-Inggeris, Pada hari Ahad 19 April 1772 (16 Muharam 1186) Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Mu'adzam Shah, Sultan Kedah Darulaman yang ke-19 (1710-1778) telah membenarkan pihak Syarikat Inggeris India Timur melalui wakilnya Edward Monckton menduduki Kuala Bahang (Kuala Kedah) di kedua kawasan tebingnya hingga ke Batin. Mereka juga diberi kuasa mengenakan cukai ke atas perahu dan kapal asing yang masuk di Kuala Bahang dan Kuala Perlis. Lihat Wan Shamsudin Mohd. Yusof, *Perjanjian Awal Kedah-Inggeris*, dalam *Warta Darul Aman*, Siri Bulan Ini Dalam Sejarah, April (1989)

⁶⁶ James F. Augustine, *Kedah Zaman Silam*, 1996, hal. 40

⁶⁷ Buyong Adil, *Sejarah Kedah*, 1980, hal. 31

⁶⁸ Mahani Musa, *Sejarah Awal: Pulau Pinang Sebelum 1786*, hal. 21

Monckton terhurai apabila Sultan memansuhkan perjanjian awal yang dipersetujui akibat krisis peribadi antara mereka.⁶⁹

Kegagalan misi Monckton tidak menjejaskan tujuan dan cita-cita Francis Light untuk mencari tapak mengembangkan pengaruh Inggeris. Pada tahun 1785, iaitu sewaktu pemerintahan Sultan Abdullah Mukarram Shah, suatu tawaran untuk memajukan Pulau Pinang kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris diperbaharui.⁷⁰ Sekali lagi apabila melihat akan motif disebalik perancangan ini jelas ianya tetap untuk mengambil kesempatan atas masalah yang dihadapi oleh Kerajaan Kedah yang menghadapi permasalahan dalaman dan luaran. Pendudukan Francis Light di Pulau Pinang sebenarnya bersifat sementara.⁷¹ Tiada sebarang perjanjian rasmi dibuat berhubung pendudukan sementara itu. Harapan masih disandarkan dan tanpa berputus asa, Sultan Abdullah mengharapkan pihak Inggeris terutama Syarikat Hindia Timur Inggeris memberi bantuan ketenteraan. Namun segalanya adalah pengkhianatan atas kepercayaan dan pengharapan kerana pada bulan Jun 1788, buat pertama kali, Sultan Abdullah menyedari Syarikat Hindia Timur Inggeris tidak pernah berhasrat untuk memberikan bantuan ketenteraan.⁷²

Menyedari hakikat dikhianati dengan sikap Syarikat Hindia Timur Inggeris yang sangat jelik dalam berurusan, hubungan baik yang terjalin di antara Kedah dan Syarikat Hindia Timur Inggeris telah berubah. Sultan Abdullah pun menjalankan ikhtiar untuk mendapatkan pertolongan daripada mana-mana pihak bagi mengukuhkan pertahanan perang di negeri Kedah. Kalau boleh mereka hendak menghantar orang Inggeris keluar dari daerah kerajaan Kedah.⁷³ Pada awal tahun 1790, Sultan Abdullah mengumpul kekuatan untuk merampaskan kembali Pulau Pinang. Tetapi dengan strategi yang silap menyebabkan pihak Francis Light terlebih dahulu menyerang dan mengalahkan pihak Sultan Abdullah. Dalam menghadapi keadaan ini, Sultan Abdullah terpaksa menandatangani satu perjanjian yang memberi pengesahan undang-undang terhadap pengambilan Pulau Pinang pada 1 Mei 1791. Dengan ini terpisahlah satu daerah ketuanan Kedah dan hubungan yang terjalin juga berubah corak kepada antara kerajaan dengan kerajaan bukan lagi sebagai pajakan. Apa yang lebih menyedihkan lagi di pihak Sultan Abdullah ganti rugi yang dijanjikan sebelum ini diturunkan lagi dengan tidak munasabah.⁷⁴

Dari segi adatnya, selepas kemangkatan Sultan Abdullah pastinya anakanda baginda akan mengambil alih takhta. Namun disebabkan Tunku Ahmad Tajuddin (Tunku Pangeran) masih kecil maka adinda Sultan Abdullah iaitu Tunku Dhiauddin diangkat menjadi pemangku Sultan Kedah yang kedua puluh satu bergelar Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II (1798-1804).⁷⁵ Walaupun jangkamasa pemerintahannya boleh dikatakan singkat tetapi suatu peristiwa penting turut tercatat dalam lipatan sejarah. Keluasan Kedah semakin mengecil dengan penyerahan satu lagi daerah iaitu Seberang Perai di sebelah tanah besar yang bertentangan dengan Pulau Pinang.

Pihak berkuasa Pulau Pinang melihat suatu keperluan yang sangat penting untuk mengawal sepenuhnya kedua-dua pantai selat untuk tujuan strategi.⁷⁶ Manakala dari segi kepentingan ekonomi, Syarikat Hindia Timur Inggeris sangat memerlukan kawasan luas yang dapat menampung keperluan penduduk Pulau Pinang dan tanpa bergantung kepada pihak lain terutamanya Kedah dari segi bekalan makanan.⁷⁷ Kompeni juga mahu menyekat pelabuhan Kuala Prai yang pesat berkembang menyaingi Pulau Pinang.⁷⁸

Bagi pihak Sultan Dhiauddin yang sedar akan kedudukannya hanya sebagai pemangku raja sahaja, terus berusaha dengan mengambil kesempatan dan sanggup berunding dengan Kompeni.⁷⁹ R. Bonney (1974) mencatatkan perkara ini dengan mengatakan perjanjian ini akan mengiktiraf Sultan Dhiauddin sebagai Raja Kedah oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris. Pasti ini akan menaikkan taraf

⁶⁹ Wan Shamsudin Mohd. Yusof, *Perjanjian Awal Kedah-Inggeris*, April (1989)

⁷⁰ Mahani Musa, *Sejarah Awal: Pulau Pinang Sebelum 1786*, hal. 21

⁷¹ Mahani Musa, *Sejarah Awal: Pulau Pinang Sebelum 1786*, hal. 22

⁷² Ibid, hal. 22

⁷³ Buyong Adil, *Sejarah Kedah*, 1980, hal. 59-60

⁷⁴ Perjanjian damai yang ditandatangani pada 1 Mei 1791 akhirnya menamatkan tuntutan ganti rugi Sultan Abdullah yang kini terpaksa menerima 6,000 dolar Sepanyol, iaitu jauh lebih rendah daripada tawaran asal 10,000 dolar Sepanyol. Lihat lebih lanjut dalam Mahani Musa, *Sejarah Awal: Pulau Pinang Sebelum 1786*, hal. 22

⁷⁵ Buyong Adil, *Sejarah Kedah*, 1980, hal. 50

⁷⁶ Mohd. Isa Othman, *Hubungan Kedah-Pulau Pinang, Pulau Pinang*: Universiti Sains Malaysia, Kertas kerja tidak diterbitkan.

⁷⁷ Mahani Musa, *Sejarah Awal: Pulau Pinang Sebelum 1786*, hal. 22

⁷⁸ Mohd. Isa Othman, *Hubungan Kedah-Pulau Pinang, Pulau Pinang*: Universiti Sains Malaysia, Kertas kerja tidak diterbitkan.

⁷⁹ Ibid,

dan darjatnya di kalangan rakyat. Seterusnya dikatakan faktor yang tidak kurang pentingnya adalah dengan kedudukannya, baginda akan menerima geran tahunan yang berjumlah ribuan ringgit.⁸⁰

Perundingan pengambilan Seberang Perai diusahakan oleh Leftenan Gabenor Pulau Pinang, Sir George Leith. Pada peringkat awalnya beliau menghantar wakilnya bernama Mr. Caunter untuk berunding dengan Sultan Dhiauddin. Walaupun pada mulanya beberapa menteri membantah tentang permohonan itu tetapi akhirnya mereka telah bersetuju. Maka pada hari Rabu 6 Jun 1800 (12 Muharram 1215H) termeterai perjanjian yang ditandatangani oleh Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II bagi pihak Kerajaan Kedah dan Sir George Leith bagi pihak Kompeni Inggeris. Perjanjian sebanyak 14 Fasal itu merangkumi soal-soal subsidi tahunan, luas sempadan⁸¹, masalah hamba juga orang berhutang dan penjenayah yang lari di antara kedua-dua buah negeri itu.⁸²

“Pada mukadimahnyanya ada disebutkan: “...dua buah negeri itu (Kedah dan Pulau Pinang) bersahabat di laut atau di darat selalu dan selagi adalah bergerak dan bercahaya matahari dan bulan.” Sementara pada akhir perjanjian itu ditegaskan bahawa, “Barangsiapa mungkir dan ubahkan barang suatunya janji dank ka(h)ul ini Tuhan Allah boleh hokum dan rosakkan dianya dan tiada boleh dapat baik di dalam dunia...”⁸³

Dengan perjanjian ini seolah-olah negeri-negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang tercantum menjadi sebuah negeri. Perjanjian ini telah diluluskan dan disahkan oleh Gabenor Jeneral yang bertugas dalam bulan November 1802.

Sesuatu yang amat ketara dari perkembangan berkaitan perjanjian, harapan utama Kedah untuk mendapatkan perlindungan Syarikat Hindia Timur Inggeris sebenarnya hanya tinggal harapan sebelah pihak kerana Syarikat Hindia Timur Inggeris jika dirujuk kepada fasal 2 dalam perjanjian penyerahan Seberang Perai hanya berjanji untuk menjaga keselamatan “Province Wellesley” (Seberang Perai) bukannya Kedah.⁸⁴ Maka pengkhianatan British terus berjalan dengan tanpa menunjukkan secara jelas kepada pihak Kedah.

Dalam hal ini jelas sekali, pihak Inggeris sangat tidak mengenang budi dan menunjukkan sifat pengkhianatan yang sangat ketara. Memandangkan pihak Siam lebih kuat dan berwibawa, setiap permohonan dan permintaan Sultan Ahmad Tajuddin untuk membantunya akan dikesampingkan. Malah turut membantu pihak Siam mengekang kebangkitan dan perjuangan rakyat Kedah.

Tragedi Kemanusiaan Perang Kedah-Siam

Imbauan pada detik tragis penuh tragedi yang menimpa Kedah sepanjang tempoh perang yang berlangsung bermula sejak tewasnya Kedah pada perang pertama pada tahun 1821. Kedah kehilangan ramai tokoh-tokoh pejuang. Pada perang ini Kedah kehilangan Dato' Bendahara, Dato' Laksamana, Dato' Syahbandar dan Dato' Temenggung. Ramai orang lelaki dibunuh dan dianggarkan 1,000 orang Kedah termasuk Tunku Yaakob dan Tunku Jam Jam ditawan dan dibawa ke Bangkok untuk dijadikan hamba kepada Raja, Pemangku Raja (Wangna), dan menteri-menteri Siam.⁸⁵

Namun semangat juang Kedah tidak pernah luntur. Sultan Ahmad Tajuddin meskipun berada di dalam pembuangan tetapi kesatuan daripada kerabat menyebabkan pihak Siam tidak berada dalam keadaan selesa.⁸⁶ Penentangan demi penentangan dilakukan bermula sebaik tewasnya Kedah pada November 1821 kepada Siam. Dalam peperangan kedua ini, yang berlangsung kira-kira lima bulan, seramai 700 orang tentera Siam terbunuh; 1500 orang pejuang Kedah terkorban. Setelah Kota Kuala

⁸⁰ R. Bonney, *Kedah 1771-1821 The Search for Security and Independence*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1974, hal. 109

⁸¹ Pembentukan sempadan bermula dengan perluasan British Pulau Pinang (lepas ini disebut EIC sahaja) ke tanah besar di Seberang Perai. Mereka menamakan kawasan ini Province Wellesley. Lihat dalam Mior Ahmad Noor Mior Hamzah, *'Ke Arah Pembentukan Sempadan Bersama'*, 12-13 Mei (2009), hal. 22-23

⁸² Wan Shamsudin Mohd. Yusof, *Seberang Perai Diduduki Inggeris*, dalam Warta Darul Aman, Siri Bulan Ini Dalam Sejarah, Jun (1994)

⁸³ Ibid,

⁸⁴ Mahani Musa, *'Sejarah Awal: Pulau Pinang Sebelum 1786'*, hal. 48

⁸⁵ Sharom Ahmat, *Kedah-Siam Relation, 1821-1905, The Journal of Siamese Society*, Vol.59, Pt.1, Januari 1971, hal.98-99

⁸⁶ Penentangan rakyat Kedah secara perang gerila.

jatuh kembali ke tangan Siam, kira-kira 4,000 hingga 5,000 keluarga telah ditawan dan dibawa ke Siam.⁸⁷

Penentangan yang lebih bersistematik dan memberi kesan kepada Siam adalah dengan perancangan dan kebangkitan yang diusahakan oleh Tunku Muhammad Saad. Pada 24 Mac 1838, Tunku Muhammad Saad bin Tunku Daud dan Dato' Wan Muhammad Ali menyebarkan surat jemputan ke Seberang Perai, menjemput datang berkumpul di Sungai Muda dan Sungai Merbok untuk sama-sama menentang Siam.⁸⁸ Gerakan penentangan ini mendapat sambutan dari Tunku Muhammad Taib dan Tunku Muhammad Akib dari Setul, seorang ulama terkenal di Kedah pada waktu itu iaitu Syeikh Abdul Samad al-Palembangi serta ramai lagi tokoh-tokoh hebat. Dalam usaha untuk menggembeling tenaga sokongan penduduk Kedah, Tunku Muhammad Saad menyeru semua yang ingin menyertai gerakannya dan mendapat rahmat Allah berkumpul di Sungai Merbok.⁸⁹

Permulaan penentangan yang dianggap sebagai jihad menentang orang kafir ini memberikan kejayaan gemilang kepada pasukan Kedah. Namun, menyedari kealpaannya pihak Siam menyiapkan angkatan yang lebih kuat dan menyerang kembali pihak Kedah. Pada ketika inilah tragedi berulang pada pihak Kedah apabila dikhianati oleh pihak British yang menyatakan keterikatannya dengan Fasal 13 Perjanjian Burney. Pihak Siam menyerang dari arah daratan manakala di perairan Kedah dikepung oleh British. Sekali lagi Kedah kehilangan tokoh-tokoh pejuang hebat yang sanggup berjuang sehingga ke tittisan darah yang terakhir.

Kesimpulan

Sememangnya perlu diakui peperangan membawa kemusnahan kepada harta benda dan lebih memilukan apabila begitu banyak nyawa terkorban samada atas sebab yang pasti mahupun atas sebab yang sia-sia. Menyedari bahawa pemberontakan yang berlaku sebenarnya merugikan banyak pihak, perubahan pendekatan terjadi. Pihak British melalui Gabenor Bonham memberikan sokongan kepada Sultan Ahmad Tajuddin untuk kembali bertakhta melalui surat sokongan yang diberikan kepada Tunku Daei yang diarahkan ke Bangkok sebagai utusan damai dari pihak Kedah. Dengan ketegasan British yang tidak akan lagi membantu Siam jika berlaku lagi pemberontakan, maka pihak Siam memperkenankan Sultan Ahmad Tajuddin untuk menduduki kembali takhtanya. Namun wilayah Kedah menjadi semakin kecil dengan pembahagian Siam kepada empat wilayah iaitu Kedah, Kubang Pasu,⁹⁰ Perlis dan Setul.⁹¹

Dipetik catatan yang dinukilkan oleh sarjana Sharom Ahmat untuk renungan kita bersama:

This whole experience taught both Siam and Kedah some very valuable lessons which to a large extent guided their policies for the rest of the 19th century. . Siam learnt that direct involvement in the internal affairs of Kedah would only bring about Malay resistance and this would be too costly to put down unless it obtained help from the British. But the British had made it clear that they were not willing to continue playing this role and in the context of European activity in the region in the late 19th century, Siam realized that she could not afford to alienate the British. The end result was the virtual independence of Kedah over the internal administration of the country. Kedah, for its parts learnt the futility of resistance against a more powerful country and the unhappy years of Siamese occupation made it decide that such an experience should not occur again. Hence, Kedah consciously strove to avoid any such recurrence and the result was a very stable, organized government which made it a model Malay state.⁹²

Jelas pada dasarnya pengkhianatan Inggeris ke atas Kedah dari segala krisis dan kemelut yang terjadi ini hakikatnya meninggalkan implikasi yang amat ketara terutamanya kepada Kedah namun sesuatu yang istimewa dari keadaan ini adalah Kesultanan Kedah kekal berdaulat hingga kini.

⁸⁷ Roshidee Haji Abdullah, *Kedah 1821-1842: Satu Kebangkitan Orang Melayu*, Esei Panjang, Jabatan Sejarah, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1989, hal.57

⁸⁸ CO 273/1, *Straits Settlements, 1838-1858, Miscellaneous, An Account of the war between the Malays and Siamese in 1838 commonly called the war of Tunku Mahomed Saad.*

⁸⁹ CO 273/1, *Straits Settlements, 1838-1858, Miscellaneous, An Account of the war between the Malays and Siamese in 1838 commonly called the war of Tunku Mahomed Saad.*

⁹⁰ Kubang Pasu telah dikembalikan kepada kekuasaan Kedah apabila pihak Siam menganugerahkannya kepada Tunku Anom yang kemudian kembali bergabung dengan Kesultanan Kedah.

⁹¹ Mohd. Isa Othman, *Politik Tradisional Kedah, 1641-1942*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hlm. 32-33

⁹² Sharom Ahmat, *Kedah-Siam Relations, 1821-1905*, The Journal of the Siamese Society, Jil.59, Bhg. 1, 1971, hal. 100

RUJUKAN

- Abdullah Zakaria Ghazali. (1996). *Kedah 1821-1842: Perjuangan Orang Melayu Menentang Siam dalam Alam Pensejarahan Dari Pelbagai Perspektif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria. (2012). Kedah, Perak, Selangor dan Siam: Menjejaki Peristiwa Utama Ke Arah Termeterai Perjanjian 1826. Dalam Abdullah Zakaria Ghazali & Mardiana Nordin (Peny.), *Kedah Warisan dan Sejarah*. UKM, Bangi: Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia.
- Ahmad Jelani Halimi. (2006). Surat-surat Perdagangan Kedah-Inggeris Pada Suku Akhir Abad ke-18. Dalam Mahani Musa & Ahmad Jelani Halimi (Peny.). *Warisan Mahawangsa Kedah*, Alor Setar: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah.
- Artikel 13 Perjanjian Burney 1826
- Buyong Adil. (1980). *Sejarah Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Clodd, H.P. (1948). *Malaya's First British Pioneer: the Life of Francis Light*. London.
- CO 273/1, *Straits Settlements, 1838-1858, Miscellaneous, An Account of the war between the Malays and Siamese in 1838 commonly called the war of Tunku Mahomed Saad*.
- Ho Hui Ling. (2009). Ke Arah Perjanjian 10 Mac 1909. Kertas Kerja yang dibentangkan dalam *Majlis Wacana Warisan: 100 Tahun Perjanjian Bangkok 1909*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Ibrahim Ismail. (1987). *Sejarah Kedah Sepintas Lahu*. Jitra: Universiti Utara Malaysia.
- Gullick J. M. (1983). *Kedah 1821-1855: Years of Exile and Return*. JMBRAS, I.VI (2).
- Augustine J. F. (1996). *Kedah Zaman Silam*. Alor Setar: Muzium Negeri Kedah Darul Aman.
- Anderson J. (1824). *Political and Commercial Considerations Relative to The Malayan Peninsula and the British Settlements in the Straits of Malacca*, Penang.
- Bastin J. (1964). *Francis Light and the Malay Princess*. Malaysia in History. 8 (2).
- Kamus Dewan*. (2010). Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kobkua Suwannathat-Pian. (1991). *Sejarah Thai Zaman Bangkok*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kobkua Suwannathat-Pian. (1999). *A Brief Moment in Time: Kedah –Siam Relations Revisited*. JMBRAS, LXXII (2).
- Kobkua Suwannathat-Pian. (1986). *A Study of Traditional Intra Regional Relations From The 17th to the Early 20th Century*. Disertasi Tesis PhD. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Mills L. A. (1960). *British Malaya 1824-67*. MBRAS. 33.
- Mahani Musa. 2008). *Sejarah Awal: Pulau Pinang Sebelum 1786* . Dalam Muhammad Haji Salleh (Editor). *Sejarah Awal Pulau Pinang*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

- Mior Ahmad Noor Mior Hamzah. (2009). Ke Arah Pembentukan Sempadan Bersama. Kertas kerja yang dibentangkan dalam *Majlis Wacana Warisan : 100 Tahun Perjanjian Bangkok 1909*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Mohd. Isa Othman. (1990). *Hubungan Kedah-Pulau Pinang*. Kertas kerja tidak diterbitkan. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Mohd. Isa Othman. (1990). *Politik Tradisional Kedah, 1641-1942*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Isa Othman. (2001). *Pengalaman Kedah Perlis Zaman Penjajahan British*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Tarling N. (1969). *British Policy in the Malay Peninsula and Archipelago 1824-1871*. Kuala Lumpur, Oxford University Press.
- Begbie P. J. (1967). *The Malayan Peninsula*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Bonney R. (1974). *Kedah 1771-1821: The Search For Security and Independence*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Winstedt R. O. (1986). *Notes on the History of Kedah*. MBRAS, 14 (3).
- Braddel R. (1958). Most Ancient Kedah. *Malaya in History*. 4 (1).
- Roshidee Haji Abdullah. (1989). *Kedah 1821-1842: Satu Kebangkitan Orang Melayu*, Esei Panjang. Jabatan Sejarah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Sharom Ahmat. (1971). Kedah-Siam Relation, 1821-1905. *The Journal of Siamese Society*. Bangkok. 59 (1).
- Steuert A. F. (1901). *The Founders of Penang and Adelaide: a Short Sketch of the Lives of Francis and William Light*. London.
- Straits Settlements Factory Records (SSFR)
- SSR. H.6: PLOLS. 21 November 1821. William Armstrong Clubley, Setiausaha kepada kerajaan kepada R. Caunter, Pesuruhjaya Polis, Pinang.
- _____. 3 Mei 1837. Surat Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II kepada Paderi Thomas Beighton.
- Syair Duka Nestapa*. Tiada tarikh. Hasil karangan Sultan Ahmad Tajuddin yang disalin semula dari manuskrip asal oleh Wan Ibrahim Wan Yahaya.
- Newbold T. J. (1971). *British Settlements in the Straits of Malacca*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Maxwell W. G. & Gibson W. S. (ed.). (1924). *Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo*, Sulffolk Lane: Jas. Truscott & Son Ltd.
- Wan Shamsudin Mohd. Yusof. (2014). Warisan Warkah Melayu Silam. Dalam *Kedah Dalam Warisan Sejarah dan Budaya Nusantara*. Alor Setar: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah.
- Wan Shamsudin Mohd. Yusof. (1989). Perjanjian Awal Kedah-Inggeris. Dalam *Warta Darul Aman*. Siri Bulan Ini Dalam Sejarah.

Wan Shamsudin Mohd. Yusof. (1994). Seberang Perai Diduduki Inggeris. Dalam *Warta Darul Aman*. Siri Bulan Ini Dalam Sejarah.

Wan Shamsudin Mohd.Yusof. *Sejarah dan Perkembangan Kota Kuala Kedah: Menurut Kronologi Zaman Pemerintahan Sultan-sultan Kedah Darul Aman*. Kertas Kerja tidak diterbitkan.